

Penularan COVID-19

Kesan jangka panjang jika kanak-kanak dijangkiti

(3 Jun 2021) Berita Harian / p.8

“Jika paru-paru ada kerosakan seperti berparut, ia akan menjejaskan fungsi ‘mengangkut’ oksigen dan karbon dioksida”

Yahya Mat Arip,
Pakar virologi
dari Universiti
Sains Malaysia



Penyakit berkaitan respiratori, jantung dikhuatiri boleh berlarutan seumur hidup

Oleh Saiful Haizan Hasam
dan Muhammad Yusri Muzamir
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Individu berusia 18 tahun dan ke bawah termasuk kanak-kanak dan bayi yang dijangkiti COVID-19 mungkin mengalami kesan jangka panjang penyakit berkaitan respiratori yang dikhuatiri boleh berlarutan seumur hidup.

Selain itu, jangkitan virus berbahaya berkenaan kepada kumpulan usia demikian juga dikhuatiri memberi kesan terhadap jantung, keupayaan dalam pencapaian akademik dan tahap daya tahan penyakit.

Pakar virologi dari Universiti Sains Malaysia (USM), Prof Madya Dr Yahya Mat Arip, berkata jangkitan itu kerana sasaran uta-

ma serangan virus berkenaan ialah sistem pernafasan dan boleh menyebabkan paru-paru tercalar atau berparut.

“Jika paru-paru ada kerosakan seperti berparut, ia akan menjejaskan fungsi ‘mengangkut’ oksigen dan karbon dioksida. Namun ia bergantung kepada daya tahan individu kerana kemampuan setiap orang berbeza-beza,” katanya ketika dihubungi *BH*, semalam.

Kelmarin, Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, memaklumkan kadar jangkitan COVID-19 dalam kalangan kanak-kanak dan bayi semakin membimbangkan, sekali gus meminta semua melindungi nyawa golongan itu dengan mematuhi prosedur operasi standard (SOP).

Statistik Kementerian Kesihatan (KKM) bagi tempoh antara 25 Januari hingga Isnin lalu menunjukkan sebanyak 82,341 kes positif COVID-19 dikesan memabatkan mereka yang berusia di bawah 18 tahun.

Daripada jumlah itu, 19,851 kes memabatkan bayi berusia bawah empat tahun, manakala 8,237 kes lagi memabatkan kanak-kanak berusia lima hingga enam

Kes kanak-kanak dijangkiti COVID-19 membimbangkan

Jangkitan dalam kalangan kanak-kanak, bayi makin meningkat. Kementerian Kesihatan menyeru semua melaksanai langkah melindungi nyawa golongan ini dengan patuh prosedur.

82,341 Kes positif COVID-19
19,851 Kes positif COVID-19

Keratan
akhbar *BH*,
semalam.

tahun dan masing-masing 26,851 serta 27,402 kes memabatkan individu berusia tujuh hingga 12 tahun dan 13 hingga 17 tahun.

Sementara itu, pakar virologi dari Universiti Malaya (UM), Prof Dr Sazaly Abu Bakar, berkata antara yang dikhuatiri berlaku terhadap pesakit COVID-19 remaja dan kanak-kanak ialah kesan terhadap jantung, keupayaan dalam pencapaian akademik dan tahap daya tahan penyakit.

“Walaupun mereka pulih atau nampak segar, kita belum tahu apa kesan jangka panjang. Mungkin boleh jejas pencapaian akademik, merosakkan organ tertentu atau menyebabkan kurang daya tahan penyakit kerana mereka masih dalam fasa pembesaran. Kesan jangka panjang sebegini

kita takuti,” katanya.

Pengarah Pusat Penyelidikan dan Pendidikan Penyakit Berjangkit Tropika (TIDREC) itu, bagaimanapun menegaskan, kajian mengenai impak jangka panjang COVID-19 terhadap pesakit masih belum lengkap kerana virus itu baru setahun lebih dikesan dan bermutasi dengan cepat.

“Namun, di Amerika Syarikat (AS), ada laporan walaupun dijangkiti COVID-19 dengan gejala ringan, ia memberi kesan kepada jantung. Data menunjukkan ada atlet dijangkiti sudah tidak memiliki daya tahan kuat, malah dijangka ada jangkitan jantung yang tidak dapat dikesan sebelum ini.

“Jadi, peringatan saya kepada ibu bapa ialah jika sayangkan anak, lindungilah mereka. Jangan dedahkan diri kepada risiko jangkitan,” katanya menambah, kesesuaian memberi vaksin kepada individu berusia 18 tahun ke bawah masih dalam kajian, termasuk mengenal pasti kesan sampingan.

Katanya, beliau difahamkan bahawa AS bakal memulakan vaksinasi COVID-19 ke atas kanak-kanak, namun terhad kepada golongan berusia 12 tahun

ke atas.

Pakar penyakit berjangkit di UiTM Private Specialist Centre (UPSC), Dr Yazli Yuhana, pula berkata peningkatan kes COVID-19 memabatkan kanak-kanak, dikenal pasti akibat jangkitan daripada ibu bapa atau dewasa dalam keluarga, selain rakan sepermainan yang tidak bergejala.

“Jumlah kes golongan itu akan meningkat secara eksponen, selari peningkatan jangkitan dalam kalangan dewasa. Jadi, kerajaan disaran keluaran larangan mengikut undang-undang ke atas ibu bapa atau penjaga supaya tidak membawa kanak-kanak ke kawasan tumpuan ramai atau sesak,” katanya.

Presiden Persatuan Pediatrik Malaysia, Dr Hung Liang Choo, senada bahawa ibu bapa atau remaja perlu mengelak daripada mengunjungi tempat sesak dan tumpuan ramai, selain mematuhi SOP dengan baik bagi mengelak risiko jangkitan terhadap diri atau anak dan jagaan mereka.